

BAB : 8

PEMIMPIN ORANG INDIA DALAM KABINET NEGARA SEBAGAI MENTERI KERJA, POS DAN TELEKOMUNIKASI

Tun Sambanthan selaku wakil orang India dalam kerajaan telah diberi tugas untuk memegang portfolio Kerja, Pos dan Telekomunikasi yang baru digabungkan dalam satu kementerian selepas pilihanraya tahun 1959.¹ Ia merupakan satu lagi kementerian yang menampakkan kepentingan orang India dalam ketiga-tiga bidangtugas tersebut.² Misalnya, ramai orang India menjadi buruh pembinaan jalan.³ Ia merupakan kementerian yang paling lama beliau berkhidmat iaitu selama 10 tahun (1960-70). Beliau dikekalkan dalam portfolio Kerja, Pos dan Telekomunikasi walaupun negara telah menghadapi dua pilihanraya umum, iaitu pilihanraya 1964 dan pilihanraya 1969. Tengku Abdul Rahman meletakkan keyakinan yang tinggi terhadap Tun Sambanthan.

Pembinaan Jalanraya, Lebuhraya dan Jambatan

Sebelum Rancangan Pembangunaan Luar Bandar dimulakan pada tahun 1958, kos pembinaan **jalan raya** ditanggung oleh kerajaan negeri, di bawah pentadbiran British. Selepas merdeka, kepentingan diberikan kepada pembangunan luar bandar maka kos pembinaan jalan raya dan jambatan telah ditanggung oleh kerajaan pusat. Maka, Tun

¹ Straits Times, 23 December 1971.

² Keterangan oleh Encik M.Ramayah ('Post-Master' dari tahun 1953 hingga 1988) pada 27 Disember 2002 di kediamannya Tangkak, Johor. (Statistik rasmi berkenaan bidangtugas ini tidak diperolehi kerana banyak fail masih dianggap sulit).

³ Ibid. (Mengikut keterangan Encik Ramayah, selepas merdeka ramai orang India yang berpendidikan Inggeris mula mencuburi bidang perkeranian, juruteknik, posmen, manakala jawatan tinggi disandang oleh orang Tamil-Ceylon dalam kerajaan.)

Sambanthan telah meminta kerajaan untuk memperuntukkan wang yang agak banyak untuk membiayai projek-projek jalanraya dan mempercepatkan proses pembinaan jalan raya khasnya di luar bandar. Ini akan memudahkan pengangkutan dan perhubungan penduduk kampung dan estet dengan pekan atau bandar.⁴

Di samping pembinaan jalan raya, Tun Sambanthan juga meminta Jabatan Kerja untuk mempergiatkan kerja baik-pulih jalan-jalan yang lama dan rosak. Misanya, jalan raya yang bengkang-bengkok antara Tanjong Malim dan Slim River dipulihkan pada tahun 1962.⁵ Pada tahun 1961, lebih kurang 400 batu jalan dalam kawasan luar bandar telah dibina.⁶ Dan pada tahun berikutnya, jarak ini ditambahkan kepada 700 batu. Beliau juga bercadang untuk membina 1200 batu jalan di seluruh persekutuan di bawah *Rancangan Lima Tahun (1961-65)* dan dijangka siap sebelum tahun 1964.⁷ Jalan terpanjang di Malaysia dibina dari Pekan ke Batu Balik, dan sepanjang pantai di selatan Sg. Pahang. Di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun juga, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$240 juta bagi pelaksanaan projek-projek infrastruktur bandar dan luar bandar.⁸ Pada tahun 1967, sebanyak \$112.1 juta telah dibelanjakan bagi menampung kos pembinaan dan baik pulih jalan raya.⁹

Semasa Tun Sambanthan menjadi Menteri Kerja, Pos dan Telekomunikasi beberapa projek jalan raya utama telah pun siap dibina. Di antaranya adalah jalan Blanja-Bota Kiri, Jalan Redang Panjang-Kampong Mesjid dan Jalan Bukit Gantang. Ketiga-tiga

⁴ *Straits Times*, 23 December 1971. (Jalan raya yang dibina di bawah perbelanjaan kerajaan pusat digelar sebagai 'jalan-raya kelas satu').

⁵ *Ibid.*

⁶ Persekutuan Tanah Melayu, **Perbahasan Parlimen, Parlimen Pertama Dewan Ra'ayat, Vol. IV Sesi IV Bhg. I, April 1962-Disember 1962**, Jabatan Cetak Negara, Kuala Lumpur, hlm. 210.

⁷ *Straits Times*, 31 July 1962.

⁸ *Straits Times*, 8 July 1964.

⁹ *Straits Times*, 22 February 1967.

jalan utama terletak di negeri Perak.¹⁰ Pembukaan jalan dirasmikan oleh Tun Sambanthan sendiri. Sepanjang 73 batu jalan raya di pantai Barat Sungai Perak terpaksa dibina bagi memudahkan pemunggahan padi. Kos pembinaan Jalan Redang Panjang ke Kampong Masjid telah ditanggung oleh kerajaan negeri Perak.¹¹

Di bawah Rancangan Luar Bandar, di antara projek-projek jalan raya utama yang dibina adalah Jalan-jalan Endau-Rompin dan Pekan-Batu Balik di negeri Pahang; Tanjong Karang-Sekincan-Utan Melintang di negeri Selangor dan Perak, dan Gunung Kerian ke Simpang Ampat di negeri Kedah dan Perlis. Kesemua projek ini siap dibina pada tahun 1962.¹²

Pada tahun 1967, Jabatan Kerja peringkat Persekutuan, atas nasihat Tun Sambanthan telah menubuhkan *Highway Planning Unit*.¹³ Badan ini berfungsi untuk mengumpul statistik dan data berkenaan jalanraya di Malaysia dan turut mengumpul data mengenai bilangan jalan yang dibina di kawasan luar bandar. Secara tidak langsung, fungsi badan ini adalah untuk mengukur kemajuan bidang pembinaan jalanraya di Malaysia. Dengan bantuan badan ini, Kementerian telah merancang pembinaan jalanraya mengikut peruntukan dan keperluan negara.

Tidak ketinggalan, beliau juga memberi tumpuan terhadap projek pembinaan **lebuhraya**. Lebuhraya pertama di Malaysia adalah di antara Tanjung Malim dan Slim

¹⁰ *Malay Mail*, 10 May 1960.

¹¹ *New Straits Times Pamphlet*, 1960, *Federal Government Press statement, 5/60/59 (Works)*, Lawatan Dato V.T. Sambanthan ke Perak (6hb May 1960) melawat tiga projek jalanraya baru dan Hospital Bersalin Baru di Taiping .

¹² *New Straits Times Pamphlet*, *Federal Government Press Staement D.INF, 12/60/207 (PARL). Text of speech of the Minister of Works, Posts and Telecommunicaitons, Dato V.T. Sambanthan, made at the Budget Meeting of the Dewan Ra'ayat*, Kuala Lumpur, December, 1960, hlm. 1.

¹³ *Straits Times*, 22 February 1967.

River.¹⁴ Pada tahun 1961, lebuhraya ini mula mengamalkan sistem Tol pertama di Malaysia. Pada tahun berikutnya, kerja membina jalan dua hala dari Sungai Way ke Kelang telah disempurnakan.¹⁵ Pembinaan lebuhraya telah membuktikan proses pemodenan yang sedang mengambil tempat dalam bidang perhubungan negara. Malahan, lebuhraya akan memendekkan masa perjalanan dan menambahkan keselesaan pengguna jalan raya khasnya di bandar.

Tun Sambanthan telah menunjukkan minat dan sikap dedikasi terhadap pembinaan projek-projek jalanraya awal yang dibina di Malaysia. Beliau mempunyai tabiat untuk melawat tapak-tapak pembinaan. Pernah dirakamkan beliau telah memandu keretanya sendiri untuk melihat projek lebuhraya di Tanjung Malim. Ketika itu, beliau dihalang oleh seorang pengawal yang telah bersara dari Jabatan Kerja. Beliau telah mengambil masa yang lama untuk membuktikan kebenaran diri kepada pengawal tersebut. Tun Sambanthan tidak marah kepada pengawal yang agak kasar pada awalnya. Beliau bangga dengan kejujuran pengawal tersebut dalam kerjanya.¹⁶ Sebenarnya, tempat pembinaan lebuhraya itu adalah kawasan larangan. Begitulah sikap Tun Sambanthan yang begitu prihatin dalam mengawasi projek-projek yang dilaksanakan di bawah kementeriannya.

¹⁴ Syair yang disampaikan oleh Profesor Taib Osman semasa Tun Sambanthan menerima Ijazah Doktor Hukum dari Universiti Malaya pada tahun 1971.

¹⁵ Persekutuan Tanah Melayu, **Perbahasan Parlimen, Parlimen Pertama Dewan Ra'ayat, Vol. IV Sesiv, Bhg. 1, April 1962-Disember 1962**, hlm. 210, Jabatan Cetak Negara, Persekutuan Tanah Melayu. [Pada tahun 1964, projek terbesar pembinaan lebuhraya pantai barat ke timur Malaysia telah dimulakan (*Straits Times*, 17 March 1964). Dengan siapnya jalan ini perjalanan dari Pulau Pinang ke Kuala Terengganu hanya memakan masa 8 jam sahaja. Ia telah dianggap sebagai projek terbesar dan terpenting kerana juruukur-juruukur Kanada telah mengambil 9 bulan untuk menyiapkan tugas mereka. Lebuhraya dari pantai barat ke timur merentasi tiga tempat utama iaitu Sungai Siput, Gua Musang dan Kuala Brang. Projek lebuhraya lain adalah Klang ke Kuala Lumpur yang telahpun siap dibina pada tahun 1964 (*Straits Times*, 27 June 1963)].

¹⁶ P. Arunasalam, **Varalatri Oru Maamanithar**, Memorial Tun Sambanthan, Lebuhraya Ampang, Kuala Lumpur, hlm. 118.

Satu lagi projek Jabatan Kerja juga diberi tumpuan oleh Tun Sambanthan adalah terhadap pembinaan **jambatan**. Jambatan telah menggantikan pengangkutan air iaitu feri. Kebanyakan projek pembinaan jambatan adalah di kawasan luar bandar. Tempat-tempat di negeri Pahang seperti Geliga, Kemaman, Bukit Kuang, Paka, Maran dan Losong dikenalpasti sebagai tapak-tapak pembinaan jambatan.¹⁷ Projek-projek jambatan juga dilaksanakan di Muar, Batu Pahat, Juru, Permatang Pauh, Pontian, Kemayan, Dungun, Cheras, Semenyih, Segamat dan Kota Tinggi.¹⁸ Pembinaan jambatan penting bagi menghubungkan masyarakat kawasan luar bandar khasnya di kampung dan estet dengan pekan atau bandar. Ia juga dapat memudahkan dan mempercepatkan urusan mengangkut hasil pertanian bagi tujuan perdagangan di pekan.

Dalam melaksanakan tugasnya, Tun Sambanthan tidak lupa untuk mengambil kira kebijakan rakyat yang menanggung risiko akibat projek pembinaan jambatan. Misalnya, pembinaan jambatan di Muar telah menjaskannya pendapatan seramai 180 pekerja syarikat Feri Penambang. Tun Sambanthan berjanji untuk berunding dengan Menteri Besar Johor berkenaan gantirugi yang sepatutnya diterima oleh para pekerja Feri Penambang. Hasilnya, Menteri Besar Johor telah bersetuju untuk memberi tanah kepada mereka.¹⁹

Satu lagi bidang yang diberi perhatian khusus oleh Tun Sambanthan adalah **pembinaan bangunan** yang mempunyai kepentingan nasional. Semasa beliau

¹⁷ Federation of Malaya, 1962, *Parliamentary Debates, First Parliament, Dewan Ra'ayat, Vol. IV, April 1962 to December 1962*, Government Printers, Kuala Lumpur, Column 910. (Semasa Tun Sambanthan menjadi Menteri Kerja, Pos dan telekomunikasi, Jabatan Kerja telah merancang pembinaan *jejambat* dari Jalan Birch ke Jalan Sultan Hisamuddin bersebelahan dengan Masjid Negara(*Malayan Times* 16 March 1963). Pembinaan *jejambat* seperti ini adalah perkara biasa di negara-negara Barat dan Jepun. Hasil lawatan ke negara-negara ini, membawaikan idea kepada Tun Sambanthan untuk membina satu di Malaysia. Ia telah direka oleh Encik Sterling dengan kos pembinaannya sebanyak \$3½ juta. Tengku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia, menggambarkan pembinaan *jejambat* ini sebagai “symbol of modern era”).

¹⁸ Federation of Malaya, *Parliamentary Debates, part III, First Parliament, Dewan Ra'ayat, Vol. III, Third Session, January 1962*, Government Printers, Kuala Lumpur, Column 4111.

menjadi Menteri Kerja, Pos dan Telekomunikasi, Masjid Negara, Tugu Negara, Muzium Negara,²⁰ Istana Negara, Parlimen,²¹ Lapangan Terbang Antarabangsa Subang,²² bangunan INTAN di Bukit Kiara dan beberapa lagi bangunan penting telah dibina bagi membentuk jati diri Malaysia. Boleh dikatakan, dalam tempoh perkhidmatannya selama 10 tahun hampir kesemua bangunan kerajaan utama di Wilayah Persekutuan telah siap dibina.

Di samping projek-projek bangunan bersifat nasional, Tun Sambanthan turut mengambil kira keperluan rakyat dengan mengusahakan pembinaan Hospital Bersalin dalam kawasan Hospital Besar Kuala Lumpur. Idea ini tercetus semasa beliau menjadi Menteri Kesihatan setelah melihat kesengsaraan wanita estet. Tetapi ia hanya menjadi kenyataan selepas beliau memegang jawatan Menteri Kerja, Pos dan Telekomunikasi.

¹⁹ Straits Times, 29 January 1964.

²⁰ Federation of Malaya, 1962, **Parliament Debates First Parliament, Dewan Ra'ayat, Vol. IV, Fourth Session, Part I, April 1962 to December 1962**, Government Printers, Kuala Lumpur, Column 214. (Muzium Negara dan Stadium Negara siap dibina pada tahun 1962. Stadium Negara dirancang untuk kegunaan permainan dalaman dan pameran. Muzium Negara pula direkabentuk untuk menggantikan muzium lama yang telah musnah disebabkan oleh pengemboman semasa Perang Dunia Kedua).

²¹ New Straits Times Pamphlet, 1963, "Official opening of new Parliament speech by Dato V.T. Sambanthan at the official opening of the new Parliament House on Saturday, November 2, 1963", hlm. 1. (Bangunan Parlimen telah dibuka secara rasmi pada 2hb November, 1963. Tengku Abdul Rahman telah menetapkan Lake Garden sebagai tapak pembinaan pada tahun 1960. Jurubinaanya, Encik Shipley telah melawat Rumah Parlimen di New Delhi dan Chandigarh sebelum merekabentuk bangunan Parlimen di Malaysia. India dianggap sebagai pusat pentadbiran British di Asia Tenggara dan ia juga lebih awal mendapat kemerdekaan daripada British. Maka, Tun Sambanthan beranggapan India patut dijadikan contoh dalam mengurus pentadbiran Malaysia. Beliau telah memastikan bangunan Parlimen siap dibina dalam tiga tahun. Namun, beliau memuji Tengku Abdul Rahman yang telah kerap kali mendesak Kementeriannya tentang keperluan bangunan Parlimen.)

²² New Straits Times Pamphlet, 1965, "Opening of International Airport: Dato Sambanthan's speech, 30 August 1965", hlm. 1. (Projek yang telah diilhamkan oleh Tengku Abdul Rahman dan merupakan lapangan terbang yang terbesar di Asia Tenggara. Pembinaannya telah dimulakan pada tahun 1963 di bawah penyeliaan H.G. Skepper.)

Gambar 6 : Tun Sambanthan sedang mengiringi Yang DiPertuan Agong semasa perasmian bangunan Parlimen pada tahun 1963.



Sumber :Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Beliau telah menjemput 170 orang jurubina dari 17 buah negara untuk merekabentuk bangunan bertingkat yang dijangka menelan belanja sebanyak \$24 juta.²³ Perletakan batu asas telah dilakukan oleh Tengku Abdul Rahman pada 12hb Mei 1961.²⁴ Pembukaan Hospital Bersalin dirasmikan oleh Tun Sambanthan pada 18hb Januari 1963.²⁵

²³ Malay Mail, 16 July 1962 (diketuai oleh K.C. Duncan dan Colin Walker).

²⁴ New Straits Times Pamphlet, 1965, "Opening of New Maternity Hospital, Kuala Lumpur, Minister of Works, Posts and Telecommunications speech, Jan. 18, 1965".

²⁵ Ibid.

Pembinaan bangunan adalah memenuhi keperluan negara kerana sebelum merdeka, negara hanya memiliki bangunan yang direkabentuk oleh British untuk memenuhi kehendak mereka. Usaha yang diambil oleh Tun Sambanthan sebagai Menteri Kerja, Pos dan Telekomunikasi, sedikit sebanyak telah membantu negara mendapat bangunan-bangunan penting dalam mencapai proses Malayanisasinya.

Perkhidmatan Pos

Tun Sambanthan juga menunjukkan minat dan kesungguhan yang saksama dalam bidang perkhidmatan pos sepetimana peranan yang telah dimainkan oleh beliau dalam merancang infrastruktur negara. Perkembangan dalam bidang perkhidmatan pos agak perlahan²⁶ berbanding dengan bidang Kerja dan Telekomunikasi. Kerajaan memberi tumpuan yang lebih terhadap projek-projek Telekomunikasi yang dianggap baru dan terpenting dalam proses pembangunan dan pemodenan negara. Tambahan, kerajaan memperuntukkan wang yang banyak dalam melaksanakan projek-projek kerjaraya seperti baik-pulih jalanraya dan pembinaan bangunan yang bersifat nasional. Perkhidmatan pos merupakan di antara perkhidmatan yang terawal dimulakan oleh pihak Inggeris di Tanah Melayu. Peranan pejabat pos begitu penting kepada buruh di ladang getah dan lombong bijih timah untuk mengirim wang kepada ahli keluarga di tanahair mereka. Maka tidak salah sekiranya disimpulkan perkhidmatan pos adalah sezaman dengan sektor perlombongan bijih timah dan perladangan getah di Tanah Melayu.

²⁶ Straits Times, 11 February 1969.

Tun Sambanthan memperkenalkan beberapa pembaharuan dalam usaha mempertingkatkan mutu perkhidmatan pos tanahair. Sebelum tahun 1960, posmen menggunakan basikal untuk mengedarkan surat. Keadaan ini menyebabkan kesulitan dan kelewatan dalam penghantaraan surat ke kawasan luar bandar. Tambahan, posmen juga seringkali menghadapi masalah gangguan anjing ketika mengedarkan surat. Pada tahun 1960, ketika membincangkan isu ini dalam Parlimen, Tun Sambanthan mencadangkan pelaksanaan denda terhadap pemilik anjing sekiranya posmen tercedera.²⁷ Sekiranya mereka gagal untuk membayar denda maka perkhidmatan pos akan dihentikan. Masalah yang dipandang serius oleh Tun Sambanthan, dapat diatasi dengan memperkenalkan motosikal sebagai kenaikan posmen. Pada tahun 1961, **basikal digantikan dengan motosikal**. Pada tahun 1961, sebanyak 39 buah motosikal dibeli dan pada tahun berikutnya 27 buah lagi telah ditambahkan.²⁸ Pengedaran surat dengan menggunakan motosikal tidak dapat dikembangkan ke seluruh Malaysia kerana masalah kewangan yang dihadapi oleh Jabatan Pos. Maka, basikal merupakan pengangkutan utama bagi posmen sehingga tahun 1980-an.

Tun Sambanthan juga memberi tumpuan khas kepada perkembangan **pejabat pos bergerak**. Pejabat pos bergerak berfungsi dengan berkesan di kawasan-kawasan yang tidak ada bangunan pejabat pos khasnya di kampung. Walaupun estet tiada kemudahan pejabat pos tetapi perkhidmatan pejabat pos bergerak tidak disediakan dan perkara ini tidak dipandang serius oleh Tun Sambanthan.²⁹ Mengikut Encik Ramayah lagi, orang India di estet menggunakan perkhidmatam beg karung kunci ('Locked Bag')

²⁷ Straits Times, 1 August 1960.

²⁸ Ibid.

²⁹ Keterangan oleh Encik Ramayah pada 27 Disember 2002 di kediamannya Tangkak, Johor.

untuk urusan surat-menjurat yang selalunya dibawa oleh seorang budak pejabat pengurusan estet yang digelar ‘messenger’ ke pejabat pos yang berhampiran.

Pada tahun 1962, sebanyak 9 buah pejabat pos bergerak ditempatkan di Muar, Sabak Bernam, Kuala Lumpur, Kuala Lipis, Melaka, Port Dickson, Tanah Merah, Pekan dan Tapah.³⁰ Pada tahun berikutnya, 42 buah pejabat pos bergerak diperkenalkan di beberapa tempat di Persekutuan.³¹

Namun, kementerian tidak dapat menampung kos pembiayaan pejabat pos bergerak secara berterusan kerana ia dianggap perkhidmatan sementara sehingga pejabat pos didirikan. Pada tahun 1963, sebanyak 64 buah pejabat pos telah dibina.³² Sehingga tahun 1970, usaha membina pejabat pos agak perlahan disebabkan oleh kekurangan dana dalam peruntukan kementerian. Pada tahun 1971, Kementerian Kerja, Pos dan Telekomunikasi mewajibkan pembinaan sebuah pejabat pos di setiap bandar yang mempunyai penduduk seramai 1,000 orang.³³ Selepas tahun 1980, keadaan mula berubah. 85% pejabat pos bergerak telah diganti dengan bangunan pejabat pos.

Dalam usaha membaiki dan meluaskan kemudahan pos, Tun Sambanthan merancang pembinaan Pejabat Besar Pos Kuala Lumpur pada tahun 1962.³⁴ Apabila siap kelak, ia akan menjadi pusat bagi cawangan-cawangan pejabat pos yang bersifat tidak setempat. Pejabat Besar Pos Kuala Lumpur juga mengadakan 9 pasukan tambahan bagi mengendalikan pejabat-pos berkereta atau bergerak, satu perkhidmatan yang amat

³⁰ Federation of Malaya, **Parliamentary debates, Vol. III, Dewan Ra'ayat, January 1962**, Government Printers, Kuala Lumpur, 1962, Column 4112.

³¹ **Malay Mail**, 2 January 1963.

³² **Ibid.**

³³ **Straits Times**, 16 October 1971.

³⁴ Federation of Malaya, **Parliamentary Debates, Dewan Ra'ayat, Vol. IV, April 1962 to December 1962**, Government Printers, Kuala Lumpur, 1962, Column 209.

dihargai di kawasan luar bandar.³⁵ Sekali lagi, dilihat usaha Tun Sambanthan yang mementingkan keperluan penduduk luar bandar di estet dan kampung supaya tidak terus terabai dengan pengurangan perkhidmatan pejabat pos bergerak.

Maka, boleh disimpulkan, dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan pos , Tun Sambanthan telah merancang pembinaan Pejabat Besar Pos Kuala Lumpur pada tahun 1962 dan selepas tahun 1970, banyak pejabat pos didirikan di seluruh Persekutuan.³⁶ Ini merupakan satu langkah drastik yang pernah dilakukan oleh Tun Sambanthan bagi memenuhi keperluan masyarakat setempat dan negara.

Tun Sambanthan juga menunjukkan minat yang mendalam dalam pengeluaran setem. Penggunaan dan permintaan terhadap setem semakin meningkat apabila kementerian mula memajukan infrastruktur pos di seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Tambahan, pada ketika itu penghantaran surat adalah satu-satunya bentuk komunikasi yang paling murah antara penduduk luar bandar seperti di estet dengan dunia luar. Pada tahun 1965, sebanyak 99 jenis setem dikeluarkan dan setiap 13 buah negeri telah mengeluarkan 7 hingga 8 setem bersifat kebangsaan.³⁷ Minat dan usaha yang ditunjukkan

³⁵ Ibid., hlm. 210.

³⁶ Jabatan Perkhidmatan Pos, Malaysia. No. Fail 122/61 – Federation of Malaya, Official Year Book, 1962, Government Printers,Kuala Lumpur, 1962. Pada tahun 1961 terdapat 222 pejabat pos di Persekutuan.

³⁷ Malaysia, Perbahasan Parlimen Dewan Rakyat, Parlimen ketiga, Penggal pertama, Jil. 1, Bil. 1-32, Februari-Julai 1971, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1971, Ruangan 2920 dan 2921.

(Satu lagi pembaharuan yang telah diperkenalkan oleh Tun Sambanthan dalam usaha memodenkan dan mempertingkatkan mutu perkhidmatan pos adalah Sampul Surat Hari Pertama Sampul-sampul surat Hari Pertama adalah satu penghargaan yang diberikan ke atas peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam negara. Ia digambarkan dalam bentuk setem pada sampul surat hari pertama. Jabatan Pos telah mengeluarkan dua jenis sampul surat hari pertama pada tahun 1969, enam jenis pada tahun 1970 dan empat jenis dalam tahun 1971. Sampul surat pertama dikeluarkan untuk menandakan peristiwa-peristiwa terpenting negara seperti pelancaran Minggu Perpaduan Negara pada 8hb Februari 1969, pelancaran Tahun

oleh Tun Sambanthan telah membolehkan “*Malaysia holds an unique position among all countries of the world by having the most number of denominations of postage stamps.*”³⁸

Usaha pengeluaran setem dalam pelbagai corak adalah satu pembaharuan dalam perkhidmatan pos. Keunikan ini memberi publisiti luas kepada Malaysia di mata dunia. Setem bercorak rama-rama telah memenangi anugerah pingat perak dalam *Indian National Philatelic Exhibition* pada tahun 1970. Maka, Tun Sambanthan memberi galakan sepenuhnya dalam pengeluaran setem pelbagai corak. Setem Malaysia diminati kerana “*Malaysian stamps good reputation because of its good designs, subject matter and printing.*”³⁹

Namun, usaha ini mendapat kritikan hebat daripada peminat dan pengumpul setem kerana satu set setem mempunyai nilai muka yang mahal, iaitu berharga \$99.73. Dalam mengatasi masalah harga tinggi, Jabatan Pos mengeluarkan satu set setem baru yang digelar *Malaysia Definitive Postage Stamps*.⁴⁰ Set ini mempunyai nilai muka sebanyak \$27.47 yang dianggap sebagai harga berpatutan dan ia mendapat sambutan hangat daripada pengumpul setem. Pengeluaran setem ini adalah bertujuan untuk

Padi pada 8hb Disember 1970 dan pembukaan rasmi Stesen Satelit Bumi di Kuantan pada 6hb April 1970. Sampul-sampul surat Hari Pertama menjadi kegemaraan peminat dan pengumpul setem. Menurut Toh Puan Umasundari, Tun Sambanthan juga menggunakan hasil lukisan adiknya, Saraswathi untuk membentuk corak setem).

³⁸ New Straits Times Pamphlet, 1965, “*Philatelic Exhibition:Dato Sambanthan's Speech, September 9,1965 at 10.00 a.m.*” (Mengikut Encik Ramayah, setem yang menggambarkan tarian klasik orang India pernah dikeluarkan).

³⁹ Straits Times, 1 May 1971.

⁴⁰ Malaysia, Perbahasan Parlimen Dewan Rakyat, Parlimen ketiga, Penggal pertama, Jil. 1, Bil. 1-32, Februari-Julai 1971, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1971, Ruangan 2920 dan 2921.

menggalakkan hobi mengumpul setem dan pada masa yang sama mempromosikan setem bagi kegunaan harian.

Pembangunan bidang perkhidmatan pos dalam tempoh masa 1960 hingga 1970 adalah agak perlahan.⁴¹ Salah satu faktor yang menyumbang kepada keadaan tersebut adalah perkhidmatan pos yang telah digabungkan dengan perkhidmatan Kerja dan Telekomunikasi. Kementerian memberi lebih perhatian kepada bidang Kerja dan Telekomunikasi berbanding dengan bidang Pos. Pada masa yang sama, banyak dana telah disalurkan untuk membina bangunan-bangunan penting di Malaysia. Tidak dapat dinafikan, mutu perkhidmatan pos di Sabah dan Sarawak jauh lebih mundur berbanding di Semenanjung Tanah Melayu. Pada tahun 1965, Tun Sambanthan mengusahakan penghantaraan beberapa orang pegawai pos dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak.⁴²

Perkhidmatan Telekomunikasi

Tahun 1963 merupakan detik penting dalam perkhidmatan telekomunikasi tanahair. Banyak perkhidmatan dan kemudahan telekomunikasi mula diperkenalkan dalam usaha meningkatkan mutu rangkaian telekomunikasi negara. Berbanding dengan bidang Kerja dan Pos, Telekomunikasi diberi tumpuan kerana ia penting dalam menghubungi Malaysia dengan dunia luar. Sebagai negara yang baru mencapai kemerdekaan, pembangunan dalam bidang ini akan mempengaruhi kemajuan negara.

⁴¹ Kenyataan ini dibuat berdasarkan bacaan penulis ketika mengkaji bidang Kerja, Pos dan Telekomunikasi negara dalam Hansard kerajaan (bukan jangkamasa 1960-70) ataupun suratkhabar. Banyak fail kementerian berkenaan tajuk ini masih dianggap sulit walaupun selepas 25 tahun boleh diturun taraf.

⁴² Malay Mail, 23 march 1965.

Salah satu bidang telekomunikasi yang giat berkembang adalah kemudahan telefon. Walaupun telefon sudah wujud sejak zaman British lagi tetapi Tun Sambanthan memodenkan lagi perkhidmatan telefon bagi memenuhi keperluan penduduk dan negara.

Panggilan 'STD' ataupun nama penuhnya *Subscriber Trunk Dialling* dianggap sebagai satu sistem perkhidmatan telefon yang moden dan hanya diperkenalkan dalam negara-negara maju. Pada tahun 1962, Malaysia mula mempraktiskan perkhidmatan ini. Sistem ini secara tidak langsung dapat mengurangkan bilangan telefonis tetapi gangguan talian menyebabkan perkhidmatan telefonis tidak diabaikan sepenuhnya. Sistem STD mula-mula diperkenalkan di pusat-pusat bandar seperti dari Kuala Lumpur ke Seremban, Melaka, Ipoh, Pulau Pinang, Taiping, Sg. Petani dan Ipoh.⁴³ Mengikut rancangan Tun Sambanthan, 84% stesen telefon perlu diautomasi,⁴⁴ sebelum akhir tahun 1963. Pada tahun 1963, terdapat 8258 buah stesen telefon dan 4797 talian pertukaran terus di Persekutuan Tanah Melayu.⁴⁵ Menjelang tahun 1970, kemudahan telefon di bandar mengalami peningkatan pesat berbanding dengan kawasan luar bandar.

Tun Sambanthan juga telah memikirkan cara untuk memulakan perkhidmatan telefon STD ke luar negara. Pada tahun 1960, Jabatan Telekom Negara telah mengendalikan panggilan STD ke Madras, India Selatan.⁴⁶ Ini memberi peluang kepada rakyat India untuk memanggil terus tanpa bantuan telefonis dengan hanya mengambil kira masa dan wang yang sanggup mereka belanja. Pada ketika itu, ramai orang India di Malaysia masih mempunyai sanak-saudara di India dan menganggap India adalah

⁴³ New Straits Times Pamphlet, 1962, "Text of speech made by the Minister of Works, Posts and Telecommunications on the occasion of the inauguration of the subscriber Trunk Dialing at the Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, November 6, 1962", him.1.

⁴⁴ Malayan Times, 28 November 1965.

⁴⁵ Ibid.

⁴⁶ Tamil Nesan, 5 March 1960.

tanahair walaupun mereka sudah memperolehi kerakyatan Malaysia. Tun Sambanthan merasmikan talian pertama dengan membuat panggilan kepada Menteri Pengangkutan India Dr. P. Subrayan. Dengan terbinanya pusat Telekomunikasi di Pugaleri (Madras) maka, segala urusan telekomunikasi di rantau Asia Tenggara dipermudahkan lagi. Sebelum ini, Bombay dan Calcutta menjadi pusat telekomunikasi bagi rantau Asia Tenggara. Kewujudan pusat Telekomunikasi di India, telah mempercepatkan urusan penyampaian dan penerimaan mesej antara negara-negara lain di Asia Tenggara.

Gambar 7 : Encik Tran Kim Phuong , wakil negara Repuplik Vietnam merasmikan panggilan STD



STD dari Malaysia ke Vietnam akan beroperasi dari 11.00 pagi hingga 12.00 tengahari pada hari Ahad dan cuti am sahaja, mulai bulan Februari 1963.

Sumber: Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Dengan berleluasanya penggunaan telefon tanpa bantuan telefonis,maka pada tahun 1966 **Buku Panduan Telefon** dikeluarkan. Buku panduan diterbitkan dalam versi bahasa Melayu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.⁴⁷ Sebelum ini, versi bahasa Cina telahpun berada dalam edaran.

SEACOM atau *The Southeast Asia Commonwealth Cable Scheme* adalah satu projek telekomunikasi yang terpenting, yang diusahakan di bawah pengawasan Tun Sambanthan. Cadangan membina kabel ini mula dibincangkan sejak tahun 1958.⁴⁸ Tun Sambanthan, Tengku Abdul Rahman selaku Perdana Menteri Malaysia dan pemimpin negara-negara Komanwel bercadang untuk membina kabel dasar laut bermula dari England merentasi Lautan Atlantik ke Kanada, New Zealand, Australia dan Asia Tenggara. Pembinaan kabel dasar laut akan memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Kebimbangan ini pernah diluahkan oleh Tengku Abdul Rahman dalam seminar kali pertama perjumpaan ahli-ahli SEACOM yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1961.⁴⁹ Katanya,

"... is most ambitious and costly, but it is also a bold stroke of imagination. It is a tribute to the genius and skill of scientists and engineers ."⁵⁰

Bagaimanapun, Malaysia ingin meneruskan hasratnya dengan beranggapan projek ini akan membawa kebaikan kepada negara dan bangsa. Pada bulan Julai 1962, Malaysia menganjurkan seminar kedua SEACOM untuk membincangkan tentang perbelanjaan dan

⁴⁷ **Malay Mail**, 12 April 1966.

⁴⁸ **Malayan Times**, 31 August 1962.

⁴⁹ **Ibid.**

⁵⁰ **Ibid.**

sumbangan setiap negara yang ingin menyertai projek ini. Perbelanjaan yang dianggarkan adalah sebanyak \$165.75 juta.

Sekiranya kabel ini disiapkan, perkhidmatan telekomunikasi antara Malaysia dengan negara jiran akan dimantapkan lagi. Kabel pertama akan ditempatkan dari Singapura ke Jesselton (Sabah) dan seterusnya dari Jesselton ke Hong Kong.⁵¹ Tun Sambanthan meluangkan masa dan menerburuhkan tenaganya untuk mengawasi projek ini agar sempurna. Ini kerana sekiranya, projek ini tidak dilaksanakan, Malaysia terpaksa bergantung kepada jaringan kabel dari Britain - Kanada - U.S.A. - New Zealand - Australia - Jepun - Filipina dan Hong Kong.⁵² Projek SEACOM adalah projek bersifat tempatan dan memberi kemudahan telekomunikasi ke rantau Asia Tenggara. Dengan terbinanya kabel ini, wilayah-wilayah Borneo akan menggunakan saluran ini bagi laluan telefon. Tambahan, kabel ini juga akan memudahkan panggilan terus ke negara-negara lain seperti Australia.


SEACOM dianggap sebagai projek terpenting dan terbesar yang pernah diusahakan oleh Kementerian Kerja, Pos dan Telekomunikasi di bawah pimpinan Tun Sambanthan. Pelaksanaan projek ini merupakan satu kebanggaan kepada Malaysia. Ternyata setelah tujuh tahun mencapai kemerdekaan, Malaysia mampu membayai satu projek yang digambarkan sebagai luar biasa. Usaha berani ini disokong oleh inisiatif dan minat berterusan yang ditunjukkan oleh Tun Sambanthan. Akhirnya pada tahun 1964, perasmian projek diadakan secara meriah dengan kehadiran tetamu khas iaitu Ratu Elizabeth.

⁵¹ **Malayan Times**, 28 November 1965.

⁵² Jabatan Talikom, 1967, **Penyata Jabatan Talikom 1960**, Penerbitan Jabatan Talikom, Kuala Lumpur, hlm. 15.

Gambar 8 :

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra, telah merasmikan pembukaan Sistem Kabel Commonwealth Asia Tenggara (SEACOM), di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, (30hb Mac, 1967).



Gambar mcnunjukkan Tunku sedang bercakap melalui talipon dengan Y.B. Tuan J. McEwen. Duduk dari kiri ialah Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Tan Sri V.T. Sambanthan; dan Pengarah Talikom Negara, Encik Chew Kam Pok.

Sumber: Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Satu lagi projek telekomunikasi yang dilaksanakan, pada tahun 1964, di bawah perancangan dan pengawasan Tun Sambanthan adalah sistem *Very High Frequency* atau *VHF*. Sistem ini boleh memancarkan siaran televisyen dengan lebih terang lagi. Lingkungan sistem VHF ditetapkan di Kuala Rompin, Bukit Iban (Kuantan), Grik (Taiping), Kuala Lipis, Sitiawan, Ipoh dan Pulau Ketam (Klang).⁵³ Sistem VHF mula

⁵³ Malayan Times, 28 November 1965.

diberi lebih tumpuan dengan bermulanya siaran televisyen di Kuala Lumpur. Sejak tahun 1960, kajian dilakukan untuk memperkenalkan siaran televisyen (TV) di Persekutuan. Tetapi, dengan wujudnya sistem VHF, Kementerian hanya dapat memulakan siaran TV ke Melaka pada tahun 1963 dan Ipoh pada tahun 1964.⁵⁴ Pada tahun 1965, Tun Sambanthan telah mengumumkan tentang permulaan siaran TV ke Singapura, Sabah dan Sarawak.⁵⁵ Seterusnya, telah memberi satu keyakinan kepada Jabatan telekomunikasi untuk memulakan siaran TV ke seluruh Persekutuan sebelum menjelang tahun 1980-an.

Kementerian Kerja, Pos dan Telekomunikasi juga mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan sebarang gangguan penyiaran radio sekiranya kabel SEACOM gagal berfungsi. Pada tahun 1967, Tun Sambanthan merancang untuk membina *Radio Transmitting Station* di atas 200 ekar tanah dan *Radio Receiving Station* di atas 397 ekar tanah. Kemudian, RTM (Stesen Radio Televisyen Malaysia) mengambil alih fungsi kedua-dua stesen ini. Usaha awal ini patut dihargai kerana penyiaran radio adalah lebih jelas berbanding sebelum ini. Malahan, Tun Sambanthan juga telah menyampaikan ucapan ringkas selama 5 minit menerusi radio tentang pembangunan masyarakat India.⁵⁶

Bidang telekomunikasi dimajukan supaya Malaysia dapat membuktikan keupayaannya untuk menandingi negara-negara maju lain. Malaysia, juga membuktikan sikap berdikarinya dalam memajukan prasarana tempatan bagi keselesaan penduduknya. Kesemua kemudahan telekomunikasi yang dimajukan adalah semata-mata untuk

⁵⁴ Ibid.

⁵⁵ *Malayan Times*, 28 November 1965.

⁵⁶ Keterangan oleh Encik Vadivelu Pengarah Lembaga NLFCS, pada 29 Disember 1999, di ibupejabat NLFCS,Kuala Lumpur.

meningkatkan kemudahan dan taraf hidup penduduk Malaysia. Dengan itu, Malaysia tidak lagi mengharapkan bantuan dari negara-negara barat.

Jabatan Telekomunikasi dijangka mempunyai tenaga mahir tempatan sebelum menjelang bulan Julai 1965.⁵⁷ Pada tahun yang sama, terdapat 26 pakar asing dalam bidang telekomunikasi negara. Hasrat kerajaan dalam melatih lebih ramai tenaga mahir tempatan mula direalisasikan dengan penubuhan **Pusat Latihan Telekom** di Jalan Gurney, Kuala Lumpur sejak tahun 1960.⁵⁸ Pada tahun 1966 seramai 61 orang dan pada tahun berikutnya, 104 orang telah mengikuti latihan di pusat ini.⁵⁹ Tidak ramai yang dapat dilatih dalam satu jangkamasa yang tertentu kerana kerajaan Persekutuan menghadapi kesempitan wang akibat pembiayaan projek-projek besar dalam semua bidang pembangunan negara. Kadang-kala, kerajaan terpaksa meminjam wang untuk melaksanakan projek. Dalam usaha membina lebih banyak pusat latihan, Tun Sambanthan mengadakan rundingan dan lawatan ke U.S.A. beberapa kali.⁶⁰ Beliau berazam untuk menggunakan pusat latihan ini bagi memenuhi keperluan pakar dalam negara dan juga negara-negara jiran. Ini adalah usaha yang bersatu padu dan sangat bergantung kepada kerjasama daripada negara-negara jiran untuk mendapat kebaikan bersama. Bidang telekomunikasi melibatkan rangkaian tanpa sempadan.

Dalam era 1970-an lagi, Malaysia mula menceburkan diri dalam bidang **telekomunikasi angkasa**. Pada awal tahun 1963, Tun Sambanthan mengusulkan tentang

⁵⁷ Tamil Nesan, 6 Mac 1965.

⁵⁸ Jabatan Talikom Negara, **Penyata Jabatan Talikom 1967**, Penerbitan Jabatan Talikom, Kuala Lumpur, 1968, hlm. 18. [Pusat ini mengendalikan 8 jenis latihan dalam bidang-bidang seperti 'Line Plant', 'Subscribers Apparatus', 'Switching', 'Transmission', 'Editorial and Workshop', radio, telegraf, trafik dan bidang teknikal am. Pusat ini dibina dengan bantuan kewangan daripada U.S.A.(Malayan Times, 28 November 1965).]

⁵⁹ Ibid.

⁶⁰ Malayan Times, 28 November 1965

pembinaan stesen bagi satelit komunikasi di Kolej Teknik, Kuala Lumpur.⁶¹ Matlamat utama projek ini adalah: Keterangan oleh Encik Vadivelu Pengarah Lembaga NLFCS, pada 29 Disember 1999, di ibupejabat NLFCS, Kuala Lumpur.

*“... is educational so that students and engineers in this country may familiarize themselves and keep in touch with present satellite communications”.*⁶²

Pada awalnya, projek ini dikenali dengan kod ‘TELETEX’. Menjelang tahun 1969, tumpuan diberikan dalam pelancaran satelit bumi. Stesen satelit bumi pertama di Malaysia dilancarkan pada tahun 1970,⁶³ oleh Perdana Menteri Malaysia, Tengku Abdul Rahman di Kuantan. Pelancaran satelit ini membawa perubahan drastik dalam bidang telekomunikasi negara. Mutu Perkhidmatan telefon, telegraf dan teleks dari luar negeri dipertingkatkan dan dipermudahkan lagi. Malahan, pertukaran program-program televisyen antarabangsa mudah dilakukan dan penduduk Malaysia mempunyai pelbagai pilihan program televisyen. Kemudahan satelit sedikit sebanyak mengurangkan fungsi sistem telekomunikasi melalui kabel.

Pelancaran satelit bumi menjadi kemegahan bidang telekomunikasi negara. Segala pujian dan penghargaan perlu ditujukan kepada Tun Sambanthan kerana beliau melihat potensi Malaysia untuk memiliki sebuah satelit sejak tahun 1963. Ini merupakan projek terakhir dan paling unggul dilakukan oleh Tun Sambanthan sebelum bersara sebagai Menteri Kerja, Pos dan Telekomunikasi.

⁶¹ Ibid.

⁶² Ibid.

⁶³ Jabatan Talikom Negara, **Penyata Tahunan Jabatan Talikom, 1970**, Penerbitan Jabatan Talikom, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 11.

Bidang telekomunikasi diberi tumpuan khas oleh Kementerian Kerja, Pos dan Telekomunikasi. Tun Sambanthan bersama-sama dengan restu Tengku melaksanakan projek telekomunikasi gergasi yang bertaraf antarabangsa seperti SEACOM. Ia adalah selaras dengan hasrat Perdana Menteri Malaysia untuk memastikan Malaysia mengambil bahagian dalam bidang Telekomunikasi antarabangsa.⁶⁴ Peluang ini hanya wujud sekiranya negara mampu merancang dan melaksanakan projek bertaraf antarabangsa. Pelaksanaan projek SEACOM menjadikan Malaysia mula dikenali sebagai negara yang maju dalam bidang telekomunikasi.

*"... the rest of the world has become more and aware that the Federation of Malaya has a well run and expanding service in telecommunications which is second to none in this part of the world."*⁶⁵

Bidang kerja dan telekomunikasi dianggap rangka pembangunan dan pemodenan negara. Kemajuan dalam bidang-bidang ini boleh dinilai dengan mata kasar. Usaha-usaha yang dilakukan oleh Tun Sambanthan mendapat kepujian daripada orang asing. Pesuruhjaya Tinggi Australia, Encik T.K. Critchley pernah berkata:

*"... a high standard of telecommunication in Malaya was important in view of the political changes now taking place ... with improved telecommunications ... Malaya ... would be able to develop Malaysia into a closely knit nation."*⁶⁶

⁶⁴ Arkib Negara Malaysia, **Ucapan-ucapan Tunku Abdul Rahman Putra 1959 dan 1960**, "Speech by the Prime Minister at the opening of the new Telecommunications Headquarters in Kuala Lumpur on 13 February 1960". Kuala Lumpur, 1983, hlm.53.

⁶⁵ Ibid.

⁶⁶ **Malayan Times**, 15 March 1963.

Pada kesimpulannya, bolehlah dikatakan Tun Sambanthan sebagai menteri Kerja, Pos dan Telekomunikasi telah mengukuhkan kedudukan politiknya sebagai pemimpin orang India dalam kerajaan Malaysia, yang cergas dan mempunyai banyak idea.. Ini terbukti apabila beliau menceburi bidang Kerja, Pos dan Telekomunikasi negara selama 10 tahun walaupun dua pilihanraya telah dijalankan. Projek-projek seperti SEACOM dan satelit adalah nadi utama dalam bidang Telekomunikasi. Jalanraya yang terbentang menjadi keselesaan penduduk. Kesemua rancangan yang dilaksanakan sebagai Menteri Kerja, Pos dan Telekomunikasi adalah semata-mata untuk meningkatkan taraf hidup penduduk Malaysia,yang sama-sama turut dirasai oleh orang India. Segala usaha beliau telah membantu Malaysia mengasaskan jatidirinya.